



MICROSOFT tidak lagi menyediakan perkhidmatan sokongan Windows XP.

Tidak lagi guna Windows XP

DIKATAKAN pihak Microsoft tidak lagi menyediakan perkhidmatan sokongan kepada penggunaan Windows XP. Sekiranya ada yang masih menggunakannya, apakah langkah-langkah yang wajar perlu dilakukan?

- **IMAN YAKIN, Pekan.**

TERIMA KASIH. Benar seperti yang dikatakan. Jadi, pilihan yang terbaik adalah tukar kepada sistem lain seperti Ubuntu atau sebagainya. Seterusnya, dinyatakan beberapa langkah yang perlu dilakukan sekiranya masih menggunakan sistem Windows XP.

- 1** Penggunaan sistem Windows XP secara maya atau virtualization.
- 2** Pastikan penggunaan sistem Windows XP tidak melibatkan rangkaian komputer kerana ia boleh menjadi ruang masuk kepada masalah keselamatan komputer.
- 3** Pastikan penggunaan perisian keselamatan seperti perisian anti-virus, perisian tembok api dan sebagainya yang mempunyai sokongan keselamatan dan kemas kini untuk sistem Windows XP.
- 4** Elakan penggunaan pelayar web *Internet Explorer* kerana ia mengandungi banyak masalah kebocoran keselamatan.
- 5** Sekiranya perlu untuk menggunakan *Internet Explorer* kerana keperluan kepada aplikasi tertentu, jangan masukan program tambahan atau *plug-ins* seperti *Java*, *Flash* dan lain-lain.
- 6** Elakan penggunaan perisian Microsoft Office 2003 atau versi lama untuk sistem Windows XP kerana tiada sokongan keselamatan penggunaannya. Begitu juga dengan perisian-perisian lain untuk sistem Windows XP. Boleh menggunakan versi yang baru atau *LibreOffice*.
- 7** Nyah aktifkan fungsi *Autorun* untuk elakan larian secara automati sekiranya ada *malware*.
- 8** Jangan menggunakan akaun pentadbir atau Administrator dalam sistem Windows XP.
- 9** Hidupkan fungsi perlindungan data, *Data Execution Prevention (DEP)* dalam sistem Windows XP bagi kesemua aplikasi yang digunakan.
- 10** Penggunaan aplikasi *Enhanced Mitigation Experience Toolkit (EMET)* yang disediakan pihak Microsoft secara pecuma untuk keselamatan aplikasi yang digunakan.

**SEMBANG
ICT**



Bersama Firkhan
sembangict@yahoo.com